Akademika 96(3), October 2026
https://doi.org/10.17576/akad-2026-9603-04

Analisis Trend Kajian Orientalisme Berdasarkan Fokus Kata Kunci Artikel Berbahasa Melayu dalam Penstoran Awan

An Analysis of Research Trends in Orientalism Based on the Keyword Focus of Malay-Language Articles in Cloud Storage

LATIFAH ABDUL LATIFF, ADIBAH SULAIMAN*, KAMAL AZMI ABD. RAHMAN & NUR JANNAH BUKHARI

Received: 26-8-2025/Accepted: 19-6-2026

ABSTRAK

Kajian ini meneliti perkembangan wacana orientalisme dalam penulisan akademik berbahasa Melayu bagi tempoh 2015 hingga 2024. Kajian orientalisme sering dikritik kerana menggambarkan Timur melalui kerangka stereotaip yang berakar daripada agenda kolonial. Namun, dalam konteks akademik berbahasa Melayu, analisis secara sistematik terhadap trend dan tema masih terhad. Ia mewujudkan jurang pengetahuan dalam memahami perkembangan wacana orientalisme secara menyeluruh. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti perkembangan trend dan tema penyelidikan orientalisme dalam artikel akademik berbahasa Melayu sepanjang satu dekad terakhir. Kajian ini menggunakan kaedah campuran dengan menganalisis 73 artikel yang dipilih secara bertujuan daripada pangkalan data Google Scholar, MyCite, MyJurnal, Academia.edu dan ResearchGate. Pemilihan artikel adalah berasaskan reputasinya sebagai artikel ilmiah yang relevan, sahih dan terkini. Analisis trend dan pembentukan tema dilakukan menggunakan kaedah analisis dokumen dan tematik berdasarkan fokus kata kunci artikel berbahasa Melayu dalam penstoran awan melalui perisian Atlas.ti. Tema utama dipetakan secara visual menggunakan penstoran awan (Word Cloud) dan analisis kekerapan (Co-occurrence Analysis) untuk menonjolkan perkembangan trend dan tema wacana orientalisme. Dapatan kajian menunjukkan tema utama seperti wacana Islam dan Muslim, perundangan agama serta hubungan Timur-Barat mendominasi penulisan akademik berbahasa Melayu. Kajian ini menjelaskan trend penggunaan istilah serta arah tuju penyelidikan orientalisme, di samping menyumbang kepada pengayaan wacana keilmuan Islam dan menjadi rujukan bagi kajian lanjutan di rantau Melayu.

Kata kunci: orientalisme; kajian berbahasa Melayu; wacana Timur-Barat; Islam;analisis tematik

ABSTRACT

This study examines the development of Orientalist discourse in Malay-language academic writing between 2015 and 2024. Orientalism has often been criticized for portraying the East through stereotypical frameworks rooted in colonial agendas. However, within the context of Malay-language scholarship, systematic analyses of trends and themes remain limited, creating a knowledge gap in understanding the broader trajectory of Orientalist discourse. The objective of this study is to identify the evolving trends and research themes on Orientalism in Malay-language academic articles over the past decade. Employing a mixed-methods approach, the study analyzed 73 purposively selected articles from Google Scholar, MyCite, MyJurnal, Academia.edu, and ResearchGate. Selection was based on the articles' relevance, scholarly credibility, and currency. Document and thematic analyses were conducted using Atlas.ti software, with thematic mapping visualized through word cloud storage and co-occurrence analysis to highlight the development of trends and themes. Findings reveal that dominant themes include discourses on Islam and Muslims, religious law, and East–West relations in Malay-language academic writing. This study clarifies the trajectory of Orientalist research and contributes to the enrichment of Islamic scholarly discourse, while serving as a reference for future studies in the Malay world.

Keywords: Orientalism; Malay language studie; East-West discourse;Islam; thematic analysis

PENGENALAN

Kajian mengenai dunia Timur atau orientalisme secara aktif bermula dengan penubuhan institusi khusus yang memberi penekanan kepada pengajaran bahasa dan budaya Timur bagi tujuan politik dan perdagangan. Di Perancis, pada tahun 1795, École Spéciale des Langues Orientales telah ditubuhkan bagi menyediakan pendidikan tentang bahasa dunia Timur seperti bahasa Arab dan bahasa Melayu kepada rakyat Perancis bagi memenuhi tujuan tersebut (Institut National des Langues et Civilisations Orientales, 2025). Ia diikuti dengan penubuhan the British Royal Asiatic Society (1823) di United Kingdom "bagi tujuan penyelidikan dalam bidang yang berkaitan serta bagi menggalakkan sains, kesusasteraan dan seni yang berhubung kait dengan Asia" (Royal Asiatic Society of Great Britain and Ireland, 2025). Penubuhan institusi yang memberi fokus terhadap orientalisme menunjukkan usaha kuasa Barat secara sistematik dalam membina kefahaman yang berstrategik terhadap dunia Timur. Ia dilakukan bukan semata-mata atas dasar ilmu tetapi juga dengan tujuan untuk mengukuhkan kepentingan politik, ekonomi dan hegemoni budaya mereka.

Orientalisme merujuk kepada kajian tentang dunia Timur, khususnya Asia, Timur Tengah dan Afrika Utara, oleh para sarjana Barat. Ia adalah cara bagaimana dunia Barat melihat, menggambar, memahami dan mentafsir dunia Timur melalui lensa stereotaip dan berpaksikan agenda kolonial. Ia akhirnya membentuk pandangan, persepsi dan tafsiran Barat terhadap Timur. Konsep ini menjadi wacana utama dalam pemikiran Edward Said (1978) yang mengkritik bagaimana dunia Timur digambarkan secara berat sebelah, tidak tepat, stereotaip dan sering kali tidak adil oleh wacana Barat.

Dalam dunia akademik, kajian orientalisme merangkumi pelbagai disiplin ilmu seperti sejarah, budaya, agama, politik dan kesusasteraan, terutamanya apabila perbandingan dibuat antara dunia Timur dan dunia Barat. Tumpuan dunia Barat terhadap kajian Timur dapat dilihat menerusi jumlah rekod carian bagi kata kunci *orientalism* dalam pangkalan data paten global yang mengandungi sebanyak 42,878 rekod. Namun, ia jauh berbeza dengan kajian orientalisme berbahasa Melayu. Sehingga Julai 2025, tidak ada permohonan paten berbahasa Melayu bagi kajian yang menggunakan kata kunci orientalisme, sepertimana yang ditunjukkan dalam Rajah 1 (lens.org, 2025).



RAJAH 1. Carian Paten Orientalisme

Secara keseluruhan, antara tahun 1897 hingga kini, karya ilmiah yang diterbitkan dengan menggunakan kata kunci *orientalism* menunjukkan jumlah yang sangat tinggi iaitu 311,555 kajian. Kebanyakan kajian ini memberi fokus kepada bidang pengajian budaya, sejarah, seni dan kemanusiaan am dan perubatan awam meliputi disiplin seperti sains komputer, sejarah, biologi dan perubatan (lens.org, 2025).

Dalam konteks karya ilmiah berbahasa Melayu, terdapat sebanyak 870 buah kajian telah diterbitkan sehingga kini, seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2 (lens.org, 2025).



RAJAH 2. Karya Ilmiah Berbahasa Melayu

Daripada jumlah tersebut, sebanyak 309 karya diterbitkan dalam tempoh antara tahun 2015 hingga 2024. Secara umumnya, fokus utama kajian berbahasa Melayu ini tertumpu kepada sejarah, teori sastera dan kesusasteraan, perubatan awam serta pengajian budaya, dengan kajian yang merangkumi pelbagai bidang seperti seni, kemanusiaan, falsafah, orientalisme, Islam dan pelbagai tema lain. Berdasarkan data daripada pengkalan data global ini, negara-negara yang paling aktif dalam menerbitkan karya ilmiah berbahasa Melayu berkaitan orientalisme adalah Indonesia, Perancis dan Malaysia. Ia menunjukkan penglibatan institusi penyelidikan dan pengkaji antarabangsa dalam wacana ini walaupun dalam medium bahasa Melayu (lens.org, 2025) Oleh itu, kajian ini dijalankan kerana wacana orientalisme dalam penulisan berbahasa Melayu masih kurang dianalisis secara sistematik. Pemahaman terhadap trend, tema dan corak penyelidikan dapat membantu mengisi jurang pengetahuan tersebut. Kajian ini turut menyokong pembangunan keilmuan tempatan dalam bidang orientalisme secara khusus.

Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti perkembangan trend dan tema dalam kajian akademik berbahasa Melayu berkaitan orientalisme bagi tempoh 2015 hingga 2024. Persoalan utama yang ingin dijawab ialah: Apakah perkembangan trend dan tema kajian orientalisme berbahasa Melayu dalam tempoh satu dekad ini? Bagi menjawab persoalan tersebut, kajian ini dilaksanakan dengan menggunakan pendekatan deduktif, iaitu konsep orientalisme diteliti berdasarkan teori dan kerangka pemikiran sedia ada sebelum dianalisis dalam konteks penulisan akademik berbahasa Melayu. Kaedah analisis dokumen digunakan untuk meneliti bahan seperti buku, tesis dan artikel akademik, manakala analisis tematik diaplikasikan untuk mengenal pasti corak atau tema utama yang muncul dalam karya yang dikaji. Antara tema yang diteliti termasuklah wacana berkaitan Islam dan Muslim, agama dan perundangan serta hubungan Timur dan Barat. Secara keseluruhannya, kajian ini diharapkan dapat memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang perkembangan wacana orientalisme dalam penulisan akademik berbahasa Melayu, di samping itu ia dapat memberi satu gambaran awal tentang hala tuju penyelidikan dalam bidang ini pada masa hadapan.


METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah campuran iaitu kuantitatif dan kualitatif. Bagi kaedah kuantitatif, sebanyak 93 artikel diperoleh daripada lima pangkalan data iaitu Academia.edu (11), MyCite (10), MyJurnal (9), ResearchGate (31) dan Google Scholar (32), seperti Jadual 1, bagi tempoh 2015 hingga 2024. Selepas proses saringan dilakukan untuk menyingkirkan artikel berulang dan kurang relevan, sebanyak 73 artikel telah dipilih. Untuk menganalisis dokumen, kaedah kualitatif telah dilaksanakan menggunakan analisis tematik bagi mengenal pasti kod-kod yang akan membentuk tema dalam kajian orientalis berbahasa Melayu. Pembentukan tema dilakukan berdasarkan fokus kata kunci artikel berbahasa Melayu dalam penstoran awan melalui perisian Atlas.ti.

JADUAL 1. Bilangan Artikel Mengikut Pengkalan Data

Bilangan	**Pengkalan Data**	**Jumlah artikel**
1	Academia	11
2	MyCite	10
3.	MyJournal	9
4.	Researchgate	31
5.	Google Scholar	32
	Jumlah	93

Proses pengekodan merupakan proses mengenal pasti sebahagian kecil maklumat dan menghubungkannya dengan konsep dan tema dengan menggunakan perisian Atlas.ti. Perisian Atlas.ti juga digunakan bagi menjana gambaran visual perkataan yang paling kerap muncul dalam teks melalui penstoran awan (*Word Cloud*). Perkataan dengan frekuensi tinggi dikenal pasti sebagai istilahdominan yang kemudiannya dianalisis dengan lebih mendalam bagi mengenal pasti tema utama kajian. Di samping itu, kaedah analisis kekerapan (*Co-occurrence Analysis*) turut digunakan bagi mengenal pasti perkaitan antara istilah, seterusnya membolehkan pemetaan konsep yang lebih jelas dalam wacana akademik (Guest et al. 2012). Berdasarkan hasil penstoran awan dan analisis kekerapan, tema utama ditentukan melalui penilaian perkataan yang kerap muncul serta konteks penggunaannya. Penentuan tema tidak hanya bergantung pada jumlah kemunculan istilah semata-mata, tetapi turut melibatkan penilaian kontekstual agar setiap perkataan yang dianalisis mempunyai pertalian yang signifikan dengan perbincangan yang lebih luas. Data kemudiannya dikaji sehingga mencapai tahap tepu dan tiada tema baru muncul. Tema-tema kemudiannya dihubungkan menggunakan *networking* untuk memaparkan jaringan secara visual. Pendekatan ini membolehkan kajian mengenal pasti trend atau pola penggunaan istilah dalam wacana akademik berkaitan orientalisme, di samping memberikan gambaran yang lebih komprehensif mengenai perkembangan wacana orientalisme dalam konteks kajian Islam. Secara umumnya, perisian Atlas.ti merupakan satu bentuk alat khusus yang digunakan dalam kajian berbentuk kualitatif untuk membantu menganalisis data dan juga membentuk tema. Antara fungsinya adalah mengkategorikan data, membentuk kod dan tema dan akhirnya membantu menganalisis data secara lebih sistematik. Pada akhir analisis data tersebut, paparan jaringan antara tema yang dibentuk dapat divisualkan agar kajian yang dibuat lebih mudah difahami dan dihuraikan.



RAJAH 3. Proses Pengumpulan dan Analisis Data

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian ini melibatkan analisis yang diperoleh melalui penggunaan perisian Atlas.ti berdasarkan artikel yang terlibat. Artikel-artikel tersebut diperolehi melalui beberapa pangkalan data seperti Google Scholar dan MyCite.

WORD CLOUD


Gambar penstoran awan (*Word Cloud*) di bawah telah dihasilkan dengan menggunakan perisian ATLAS.ti. Dalam proses ini, teks artikel jurnal yang dikumpul telah dianalisis melalui perisian tersebut. Pada peringkat awal, kajian telah mengenal pasti perkataan yang paling kerap muncul dalam perbincangan orientalisme sebelum tema-tema perbincangan dikenalpasti. Algoritma perisian ini mengira frekuensi setiap perkataan dan memaparkannya dalam bentuk visual, di mana perkataan yang lebih besar menunjukkan bilangannya lebih tinggi dalam data. Dalam *penstoran awan* ini, perkataan seperti Islam, orientalisme, hukum, Qur'an dan hadis adalah antara yang paling dominan, mencerminkan fokus kajian terhadap pemikiran Islam dan bagaimana ia dikaji oleh orientalis serta sarjana Islam. Kehadiran nama seperti Edward Said dan Schacht pula menunjukkan perbincangan kritis mengenai perspektif akademik Barat terhadap Islam. Selain itu, dalam *penstoran awan* ini juga, terdapat beberapa perkataan lain juga seperti budaya, politik, media dan filem menunjukkan bahawa kajian bukan sahaja tertumpu kepada aspek teologi Islam tetapi juga bagaimana Islam diwakili dalam wacana budaya dan politik global. Keseluruhannya, visualisasi Rajah 4 ini membantu penyelidik mengenal pasti pola tematik dan juga trend kajian orientalisme yang akan dibincangkan.



RAJAH 4. *Word Cloud* Kajian Orientalisme Berbahasa Melayu

TREND ATAU TEMA

Berdasarkan kajian yang telah dilaksanakan, terdapat beberapa penemuan yang telah diketengahkan. Kajian telah mengenal pasti lima tema utama atau trend bagi kajian orientalisme berbahasa Melayu seperti dalam Rajah 5. Penemuan ini dianalisis secara sistematik bagi menghubungkan analisis kekerapan dengan konteks konseptual bagi memastikan kerelevenan dan kebolehpercayaan data yang dipilih.



RAJAH 5. Tema Utama Dan Trend

ISLAM DAN MUSLIM

Melalui hasil kajian yang telah diperolehi, tema utama yang dikenal pasti dalam analisis penstoran awan ini ialah Islam dan Muslim. Tema ini dibina berdasarkan kepada kekerapan istilah penting berdasarkan Jadual 2.

JADUAL 2. Islam dan Muslim

Istilah	Bilangan Token	Makna dan Konteks
Islam	9330	Merujuk kepada agama Islam secara umum, termasuk ajaran, nilai dan pengaruhnya dalam kehidupan umat manusia.
Muslim	1161	Merujuk kepada individu atau kumpulan yang berpegang kepada ajaran Islam.
Islamic	1042	Berkaitan dengan aspek Islam dalam pelbagai bidang seperti pemikiran, budaya, perundangan dan peradaban.
Sistem	481	Merujuk kepada struktur atau organisasi yang berkaitan dengan Islam, seperti sistem hukum Islam, politik Islam dan sistem sosial.
Jumlah Token	12014	

Jumlah token yang tinggi bagi perkataan ini menunjukkan bahawa perbincangan dalam data yang dianalisis banyak berkisar pada Islam sebagai agama, konsep Islam dalam pelbagai konteks serta identiti Muslim. Perkataan Islam dengan 9330 token menggambarkan bahawa kajian ini memberi tumpuan kepada aspek keagamaan, peranan Islam dalam kehidupan masyarakat serta pengaruhnya dalam wacana akademik dan sosial.

Sementara itu, perkataan Muslim yang mempunyai 1161 token merujuk kepada individu atau kumpulan yang berpegang kepada ajaran Islam. Ini menunjukkan bahawa kajian juga menyentuh pengalaman, identiti dan cabaran yang dihadapi oleh umat Islam dalam pelbagai konteks, sama ada dari segi sosial, politik atau ekonomi. Perbincangan ini mungkin melibatkan bagaimana umat Islam memahami dan mengamalkan ajaran Islam serta bagaimana mereka berinteraksi dengan masyarakat global. Kehadiran perkataan Muslim dalam jumlah yang ketara juga menunjukkan perhatian terhadap persepsi terhadap umat Islam, sama ada dari sudut pandang dalaman atau luaran.

Selain itu, perkataan *Islamic* menunjukkan perbincangan mengenai aspek yang berkaitan dengan Islam dalam konteks lebih luas, termasuk pemikiran, budaya dan perundangan Islam. Istilah ini sering digunakan dalam kajian akademik untuk merujuk kepada konsep seperti *Islamic law* (hukum Islam), *Islamic civilization* (peradaban Islam) dan *Islamic thought* (pemikiran Islam). Dengan token sebanyak 1042, ini menunjukkan bahawa kajian tersebut tidak hanya meneliti Islam sebagai agama tetapi juga bagaimana prinsip dan nilai Islam diaplikasikan dalam pelbagai aspek kehidupan masyarakat Muslim.

Akhir sekali, perkataan sistem yang muncul sebanyak 481 token menunjukkan wacana tentang struktur atau organisasi Islam dalam masyarakat. Ini mungkin merujuk kepada sistem hukum Islam (syariah), sistem politik Islam atau sistem sosial yang dibentuk oleh nilai-nilai Islam. Penggunaan istilah ini mencadangkan bahawa kajian bukan sahaja meneliti Islam sebagai agama tetapi juga bagaimana Islam berfungsi sebagai sebuah sistem yang mempengaruhi pelbagai aspek kehidupan. Secara keseluruhannya, tema Islam dan Muslim dalam analisis ini menunjukkan bahawa perbincangan bukan hanya berkisar tentang doktrin agama, tetapi juga bagaimana Islam sebagai satu sistem kepercayaan memberi kesan kepada masyarakat, perundangan, budaya dan politik di peringkat global.

TIMUR DAN BARAT

Kajian ini turut menemukan beberapa dapatan berkenaan tema Timur dan Barat. Berikut adalah jadual yang menyusun maklumat berkaitan tema Timur dan Barat berdasarkan token seperti di Jadual 3.

JADUAL 3. Timur dan Barat

Perkataan	Bilangan Token	Makna dan Konteks
Barat	3843	Merujuk kepada dunia Barat dan peradaban Eropah yang berpengaruh dalam sejarah dan politik global.
Timur	3022	Merujuk kepada dunia Islam dan tamadun Timur, termasuk Asia dan Timur Tengah.
Edward Said	1159	Sarjana yang terkenal dengan kritikan terhadap orientalisme Barat.
Schacht	919	Sarjana Barat yang terkenal dalam kajian hukum Islam tetapi dikritik oleh ramai cendekiawan Muslim.
Indonesia	757	Negara dengan penduduk Muslim terbesar yang mempunyai sejarah interaksi dengan Barat.
Belanda	745	Negara penjajah yang menguasai banyak wilayah Muslim, termasuk Indonesia.
Saladin	738	Tokoh Islam yang terkenal dalam Perang Salib.
Eropa	609	Merujuk kepada benua Eropah yang berperanan besar dalam kolonialisme dan kajian orientalisme.
Western	504	Merujuk kepada pemikiran, budaya dan pengaruh peradaban Barat terhadap dunia lain.
West	385	Istilah dalam bahasa Inggeris yang merujuk kepada dunia Barat.
East	378	Istilah dalam bahasa Inggeris yang merujuk kepada Timur, termasuk dunia Islam.
Joseph	363	Merujuk kepada sarjana Barat yang terlibat dalam kajian Islam.
Asia	362	Benua yang merangkumi banyak negara Islam.
Inggris	357	Negara yang memainkan peranan penting dalam kolonialisme di dunia Islam.
Salib	169	Simbol Perang Salib, pertembungan antara Kristian dan Islam pada abad pertengahan.
Jumlah Token	10360	

Tema atau trend terkini dalam kajian orientalisme dalam bahasa Melayu adalah perbincangan tentang Timur dan Barat. Tema Timur dan Barat dalam analisis ini merujuk kepada perbezaan budaya, sejarah dan intelektual antara dunia Islam dan dunia Barat. Perkataan Timur (3022 token) dan menunjukkan bahawa kajian ini memberi fokus yang besar kepada pertembungan idea, pengaruh kolonial dan perbandingan antara tamadun Islam dengan tamadun Barat. Istilah seperti East (378 token) dan West (385 token) turut menegaskan perbincangan mengenai perbezaan geografi dan ideologi yang telah lama menjadi subjek kajian dalam orientalisme. Kehadiran perkataan seperti Western (504 token) pula menunjukkan wacana tentang pemikiran dan pengaruh peradaban Barat terhadap dunia Islam.

Sejarah pertembungan antara Timur dan Barat juga boleh dilihat dalam kemunculan perkataan Salib (169 token) dan Saladin (738 token), yang merujuk kepada Perang Salib dan tokoh Muslim terkenal, Sultan Salahuddin al-Ayyubi. Ini menunjukkan bahawa kajian ini turut merangkumi aspek sejarah pertembungan ketenteraan dan peradaban antara dunia Islam dan Kristian. Selain itu, kehadiran perkataan seperti Eropa (609 token), Inggris (357 token) dan Belanda (745 token) menunjukkan perbincangan mengenai pengaruh kolonialisme Barat terhadap dunia Islam, terutamanya di Asia Tenggara seperti Indonesia (757 token).

Dari segi pemikiran akademik, nama-nama seperti Edward Said (1159 token) dan Schacht (919 token) menunjukkan berlakunya kajian Barat terhadap Islam melalui perdebatan dan perbincangan yang berlaku dalam kalangan orientalis. Edward Said terkenal dengan kritikannya

terhadap orientalisme, yang melihat kajian Barat terhadap dunia Islam sering kali bersifat berat sebelah dan prejudis. Sementara itu, Schacht (Josef Schacht) dikenali dalam kajian Islam kerana analisisnya terhadap hukum Islam yang sering dipertikaikan oleh sarjana Muslim. Kehadiran nama Joseph (363 token) juga turut dikaitkan dengan pemikir orientalis yang berpengaruh dalam kajian Islam.

MASYARAKAT DAN BUDAYA

Hasil kajian mendapati bahawa terdapat tema berkaitan Masyarakat dan Budaya. Jadual 4 menyusun maklumat berkaitan tema Masyarakat dan Budaya berdasarkan token yang dikenal pasti. Jadual ini memberikan gambaran yang lebih sistematik mengenai tema masyarakat dan budaya serta bagaimana aspek-aspek ini dikaji dalam konteks sosial, politik dan intelektual Islam.

JADUAL 4. Masyarakat dan Budaya

Perkataan	Bilangan Token	Makna dan Konteks
Masyarakat	1385	Kumpulan sosial yang membentuk struktur kehidupan umat Islam.
Arab	1038	Merujuk kepada masyarakat dan budaya Arab yang berkait rapat dengan sejarah awal Islam.
Budaya	887	Cara hidup, seni dan tradisi yang membentuk identiti masyarakat Islam.
Pemikiran	827	Idea dan falsafah dalam dunia Islam yang mencerminkan perdebatan intelektual.
Melayu	723	Merujuk kepada masyarakat Melayu dan pengaruh Islam dalam budaya Melayu.
Politik	530	Sistem pemerintahan dan peranan Islam dalam urusan politik dan kenegaraan.
Jumlah Token	5390	

Tema masyarakat dan budaya dalam analisis ini mencerminkan kajian tentang struktur sosial, identiti etnik, budaya serta pemikiran masyarakat Islam. Perkataan masyarakat (1385 token) menunjukkan bahawa kajian ini memberi perhatian kepada dinamika sosial, interaksi dalam masyarakat Islam serta bagaimana ajaran Islam mempengaruhi kehidupan seharian. Ia juga turut merangkumi perbincangan mengenai stratifikasi sosial, hubungan antara etnik dan isu-isu berkaitan pembangunan masyarakat Islam.

Perkataan Arab (1038 token) dan Melayu (723 token) merujuk kepada kajian terhadap dua kelompok etnik utama yang banyak dikaji dalam dunia Islam. Masyarakat Arab sering dikaitkan dengan sejarah awal Islam, bahasa al-Quran dan kebudayaan Islam klasik. Sementara itu, masyarakat Melayu sering kali dikaji dari segi penerimaan Islam di Nusantara, pengaruh Islam terhadap budaya Melayu serta hubungan antara Islam dan identiti Melayu dalam sejarah dan politik.

Dari segi budaya, perkataan budaya (887 token) menunjukkan bahawa kajian ini juga meneliti bagaimana budaya tempatan dipengaruhi oleh Islam dan bagaimana Islam disesuaikan dalam konteks budaya yang berbeza. Ia meliputi kajian seni Islam, adat istiadat, kesusasteraan serta bagaimana masyarakat Islam mempertahankan identiti budaya mereka dalam era moden.

Selain itu, perkataan politik (530 token) dan pemikiran (827 token) menunjukkan bahawa kajian mengenai masyarakat Islam turut berkait dengan politik Islam dan wacana intelektual. Politik Islam melibatkan peranan Islam dalam pemerintahan, hubungan antara agama dan negara serta pergerakan politik Islam di pelbagai negara. Pemikiran pula merujuk kepada perkembangan idea dalam dunia Islam, termasuklah perdebatan antara pemikiran tradisional dan moden serta interaksi Islam dengan ideologi lain seperti sekularisme dan liberalisme.

QURAN DAN HADIS

Tema ini merangkumi dua aspek utama dalam ajaran Islam, iaitu Quran dan hadis serta kaitannya dengan Nabi Muhammad SAW sebagai pembawa wahyu. Berdasarkan token yang telah dikenal pasti, Jadual 5 menghimpunkan token, jumlah token, berserta makna dan konteks.

JADUAL 5. Quran dan Hadis

Perkataan	Bilangan Token	Makna dan Konteks
Hadis	1436	Rekod perkataan, perbuatan dan persetujuan Nabi Muhammad yang menjadi rujukan dalam hukum Islam.
Quran	1171	Kitab suci umat Islam yang menjadi sumber utama hukum dan kepercayaan Islam.
Muhammad	847	Nabi terakhir dalam Islam yang menerima wahyu Quran dan menyebarkan ajaran Islam.
Nabi	818	Gelaran bagi Muhammad sebagai utusan Allah yang membawa wahyu kepada umat manusia.
Hadits	526	Bentuk ejaan lain bagi Hadis, sering digunakan dalam beberapa kajian Islam.
Sunnah	387	Amalan dan contoh kehidupan Nabi Muhammad yang menjadi panduan umat Islam.
Jumlah Token	5185	

Jadual ini memberikan gambaran yang lebih sistematik mengenai tema Quran dan hadis (Muhammad) serta bagaimana elemen-elemen ini dianalisis dalam kajian Islam, termasuk aspek teologi, sejarah dan hukum. Perkataan Quran yang muncul sebanyak 1171 token menunjukkan bahawa kajian ini memberi perhatian kepada peranan al-Quran sebagai sumber utama dalam Islam, termasuk aspek pentafsiran, hukum dan aplikasinya dalam kehidupan umat Islam. Ini melibatkan kajian tafsir, metodologi pemahaman ayat-ayat Quran serta cabaran dalam memahami teks suci ini dalam konteks moden. Selain itu, perkataan hadis (1436 token) dan h*adits* (526 token) menunjukkan bahawa kajian ini turut meneliti peranan hadis sebagai sumber kedua dalam Islam selepas Quran. Hadis merupakan rekod perkataan, perbuatan dan persetujuan Nabi Muhammad SAW yang menjadi rujukan penting dalam hukum Islam. Kajian mengenai hadis sering melibatkan kritik sanad (rantaian perawi) dan matan (kandungan hadis) serta bagaimana hadis digunakan dalam penentuan hukum dan etika Islam.

Perkataan sunnah (387 token) pula berkait rapat dengan hadis, merujuk kepada amalan dan contoh kehidupan Nabi Muhammad yang menjadi model bagi umat Islam. Sunnah berperanan penting dalam membantu pemahaman Quran dan pembentukan hukum Islam. Sementara itu, perkataan Muhammad (847 token) dan Nabi (818 token) merujuk kepada keperibadian dan peranan Nabi Muhammad sebagai Rasulullah, termasuk sirah (sejarah hidup), perjuangan dakwah dan pengaruhnya dalam perkembangan Islam. Kajian mengenai Nabi Muhammad SAW sering kali melibatkan analisis sirah nabawiyah, kajian orientalis terhadap Nabi serta peranannya dalam pembentukan peradaban Islam.

AGAMA DAN HUKUM

Kajian ini turut menemukan beberapa dapatan berkenaan isu agama dan hukum. Berikut adalah jadual yang menyusun maklumat berkaitan tema agama dan hukum berdasarkan token seperti di Jadual 6. Jadual ini membantu dalam memahami bagaimana tema agama dan hukum ditonjolkan

dalam kajian serta bagaimana perbincangan ini memberi impak kepada pemahaman tentang sistem kepercayaan dan perundangan dalam Islam.

JADUAL 6. Agama dan Hukum

Perkataan	Bilangan Token	Makna dan Konteks
Hukum	2673	Berkaitan dengan sistem hukum Islam, termasuk syariah dan fiqah serta aplikasinya dalam kehidupan masyarakat Muslim.
Agama	1515	Merujuk kepada konsep agama secara umum, termasuk kepercayaan, nilai dan peranan agama dalam masyarakat.
Law	393	Merujuk kepada konsep undang-undang dalam konteks lebih luas, termasuk perbandingan antara hukum Islam dan sistem perundangan lain.
Jumlah Token	4581	

Tema agama dan hukum dalam analisis ini merujuk kepada perbincangan mengenai konsep keagamaan secara umum serta peranan hukum dalam Islam. Perkataan agama yang muncul sebanyak 1515 token menunjukkan bahawa kajian ini turut meneliti aspek kepercayaan, nilai-nilai spiritual serta bagaimana agama mempengaruhi kehidupan individu dan masyarakat. Ini termasuklah perbincangan tentang peranan agama dalam membentuk norma sosial, etika dan budaya dalam masyarakat Islam serta hubungannya dengan agama lain. Selain itu, perkataan hukum dengan 2673 token menunjukkan bahawa perbincangan dalam kajian ini banyak memberi perhatian kepada aspek perundangan Islam. Ia merangkumi hukum syariah, perundangan fiqh dan bagaimana hukum Islam diterapkan dalam pelbagai konteks sosial dan politik. Dengan jumlah token yang lebih tinggi, jelas bahawa aspek hukum mendapat perhatian yang besar, berkaitan dengan isu-isu kontemporari seperti perundangan keluarga Islam, ekonomi Islam dan undang-undang jenayah Islam.

Perkataan *law* yang muncul sebanyak 393 token pula mencerminkan penggunaan istilah undang-undang dalam konteks lebih luas dalam perbandingan antara hukum Islam dan sistem perundangan Barat. Ini menunjukkan bahawa kajian turut membincangkan perspektif perundangan global serta bagaimana Islam berinteraksi dengan sistem hukum lain di dunia. Penggunaan istilah ini menunjukkan perbincangan tentang cabaran yang dihadapi dalam penerapan hukum Islam dalam masyarakat moden yang memiliki sistem perundangan sekular.

PERBINCANGAN

Melalui tema yang telah dikenalpasti, fokus kajian orientalisme berbahasa Melayu dalam tempoh 10 tahun terakhir sehingga 2024 menunjukkan kepelbagaian namun mempunyai hubungan yang rapat antara satu sama lain. Jumlah token yang tinggi bagi setiap tema menunjukkan bahawa penulisan tentang orientalisme masih menjadi antara subjek kajian dalam kalangan sarjana dan ahli akademik di alam Melayu.

Tema Islam dan Muslim (12,014 token) menduduki tempat teratas menunjukkan bahawa minat utama dalam perbahasan orientalisme di rantau ini adalah Islam sebagai sistem kepercayaan dan Muslim sebagai subjek utamanya. Perbincangan dalam tema ini meliputi pelbagai aspek iaitu dari teologi dan ritual hingga kepada identiti, cabaran dan persepsi global terhadap umat Islam. Ini juga boleh dilihat sebagai tindak balas terhadap isu-isu kontemporari yang mempengaruhi Muslim

seperti Islamofobia dan polarisasi identiti dalam dunia pasca moden. Perbincangan ini turut menjelaskan kedudukan sebenar Islam dan Muslim dari sudut pandang tempatan sebagai respons kepada naratif orientalis tradisional yang sering kali menukilkan Islam dalam penulisan mereka secara berat sebelah. Malahan, orientalisme dalam konteks Islam dan Muslim di alam Melayu tidak hanya mengkaji doktrin dan ajaran, tetapi juga bagaimana Islam berfungsi sebagai kerangka panduan moral, sosial, ekonomi dan politik (Ahmad Bunyan, 2018). Perkara ini menunjukkan bahawa Islam bukan sekadar agama peribadi tetapi juga satu cara hidup yang membentuk peradaban dan tamadun Melayu secara menyeluruh.

Tema atau trend ini juga kelihatan jelas dan konsisten kerana Islam adalah tunjang utama dalam membentuk sistem kepercayaan dan kerangka perundangan masyarakat Melayu. Oleh itu, agama-agama lain seperti Hindu, Buddha dan Kristian kurang signifikan untuk dikaji dalam penulisan tentang orientalisme dalam Bahasa Melayu yang mana kajiannya dibataskan oleh geografi Nusantara terutama Malaysia dan Indonesia. Malahan Islam juga menjadi fokus kritikan orientalis seperti dalam penulisan Winstedt mengenai kemunduran orang Melayu (Mohd Farhan et al. 2015). Perbincangan turut menghuraikan bagaimana konsep Islam diaplikasikan secara praktikal dalam kehidupan seharian. Hal ini menunjukkan bahawa kajian tentang Islam tidak terhad kepada aspek ritual semata-mata tetapi juga meliputi pengaruh Islam dalam perkembangan intelektual seperti pembentukan institusi pendidikan Islam dan kurikulum serta pelbagai dimensi sosial seperti etika kemasyarakatan, struktur kekeluargaan dan sistem kehakiman.

Kedudukan kedua tertinggi ialah tema Timur dan Barat (10,360 token) dengan 15 sub-tema yang berkaitan. Tema ini menunjukkan bahawa isu pertembungan peradaban dan pengaruh kolonialisme masih menjadi fokus utama dalam penulisan orientalisme berbahasa Melayu. Jumlah token yang signifikan menunjukkan bahawa perbincangan yang mendalam tentang sejarah, ideologi dan kesan jangka panjang interaksi antara dunia Islam (Timur) dan Barat. Sarjana tempatan di alam Melayu masih terus berusaha untuk memahami warisan kolonialisme dan membandingkannya dengan sistem pemikiran dan nilai watan. Pada masa yang sama, penulisan juga bertujuan untuk menilai semula naratif sejarah yang dibentuk oleh orientalis Barat terhadap Timur, terutamanya Islam. Perbincangan ini penting untuk membina naratif sejarah dan identiti yang lebih kontekstual dan kritikal. Oleh yang demikian, Timur dan Barat menjelaskan tentang pertembungan sejarah, budaya dan pemikiran dunia Islam dengan Barat. Hal ini meliputi wacana akademik yang membuat perbandingan antara dunia Timur dan Barat dari pelbagai sudut seperti ideologi, sistem nilai dan asas keilmuan. Perbincangan literatur dalam tema ini menunjukkan terdapat pertembungan ideologi yang kompleks, kesan kolonialisme yang mendalam dan bagaimana orientalisme membentuk naratif tentang dunia Islam (Izra Inna et al. 2021). Kajian turut menjelaskan bahawa idea dan nilai Barat sering kali mempengaruhi atau berinteraksi dengan tradisi dan amalan dalam dunia Islam.

Tema ini mengkaji sejarah konflik dan interaksi antara Timur dan Barat termasuk kajian tentang sejarah pertembungan pemikiran dan kepimpinan Islam. Perhatian khusus diberikan kepada pengaruh kolonialisme dan interaksi antara Islam dan Barat di Asia Tenggara. Ini merangkumi analisis mengenai kesan penjajahan Belanda dan Inggeris di rantau ini serta bagaimana pengaruh Eropah secara umum, sama ada dari segi politik mahupun akademik membentuk perkembangan dunia Islam. Oleh itu, tema Timur dan Barat juga memperlihatkan kajian tentang Islam di Asia dengan penekanan kepada pertembungan dengan pengaruh Barat. Ini termasuk penelitian mengenai persepsi Barat terhadap dunia Islam yang sering kali dipengaruhi oleh stereotaip dan persepsi. Dalam konteks akademik, terdapat perbincangan yang kontroversi mengenai keaslian dan interpretasi hukum Islam kerana terdapat beberapa orientalis

mempersoalkan sumber dan metodologi hukum Islam. Analisis terhadap pendekatan orientalis dalam kajian dunia Islam menjadi kritikal dalam tema ini di mana kritikan dan penilaian semula terhadap naratif orientalis tradisional sentiasa berlaku. Kajian dalam tema ini juga bukan sekadar menonjolkan aspek konflik tetapi juga proses asimilasi, adaptasi dan pembentukan identiti baharu hasil daripada interaksi antara Timur dan Barat. Oleh itu, penulisan orientalisme dalam tema ini adalah relevan dalam memahami perkembangan geopolitik semasa dan hubungan antara peradaban Timur dan Barat.

Tema Masyarakat dan Budaya (5,390 token) berada di tempat ketiga menunjukkan minat terhadap bagaimana Islam berinteraksi dengan budaya dan struktur sosial tempatan. Perbincangan ini mengkaji perkembangan sosial yang kompleks, hubungan etnik dan bagaimana nilai-nilai Islam membentuk adat, tradisi dan cara hidup masyarakat. Oleh itu, kajian orientalisme tidak terhad kepada teks keagamaan tetapi juga bagaimana Islam berperanan dalam kehidupan seharian. Ini mencerminkan perbincangan tentang keunikan Islam di Nusantara dan bagaimana ia berbeza dari model Islam di Timur Tengah misalnya terutamanya dalam konteks pluralistik. Ia melihat bagaimana Islam menyesuaikan diri atau memberi respons kepada arus modenisasi. Ini merangkumi kajian tentang bagaimana Islam mempengaruhi budaya tempatan serta hubungan yang saling melengkapi atau bertentangan antara adat dan agama dalam kehidupan seharian masyarakat Melayu.

Fokus lain dalam tema ini ialah peranan Arab dalam perkembangan Islam termasuk pengaruh bahasa al-Quran dan budaya Arab dalam dunia Islam di alam Melayu. Kajian-kajian ini membincangkan pengaruh Arab dalam seni bina, sastera, pendidikan dan amalan keagamaan tempatan. Ia juga menyelami sejarah Islam di Nusantara terutamanya bagaimana ia tersebar dan berakar umbi serta pembentukan identiti Melayu-Muslim yang unik. Peranan Islam dalam politik dan adat Melayu turut dikaji bagi melihat bagaimana agama menjadi sumber legitimasi bagi institusi politik tradisional dan moden serta membentuk norma-norma adat istiadat. Ia turut mengkaji pertembungan antara pemikiran tradisional dan moden dalam ruang lingkup politik dan sosial serta bagaimana pemikiran Islam berinteraksi dan memberi pengaruh terhadap dunia global secara keseluruhannya.

Secara ringkas, kajian di bawah tema ini melengkapkan gambaran tentang bagaimana Islam bukan hanya sebuah agama tetapi juga sebuah daya penggerak sosial, budaya dan politik yang membentuk alam Melayu. Meskipun berada di tempat keempat, jumlah token yang tinggi dalam tema Quran dan Hadis (5,185 token) menunjukkan bahawa sumber utama Islam terus menjadi bahan kajian yang penting dalam orientalisme. Perbincangan ini tertumpu kepada metodologi dan kritikan terhadap kedua-dua teks suci, Quran dan Hadis. Dalam konteks ini, penelitian sering kali menyelami tafsir al-Quran iaitu metodologi pemahaman ayat-ayat suci serta cabaran-cabaran yang dihadapi dalam menginterpretasi teks Quran dalam pelbagai konteks sejarah dan kontemporari. Ini melibatkan perbahasan mengenai pendekatan hermeneutik, perbezaan dalam aliran tafsir dan bagaimana tafsiran ini mempengaruhi pemikiran dan amalan umat Islam (Yuangga, 2020). Kajian Quran ini juga mengkritik pandangan orientalisme yang menganggap al-Quran sebagai karya sejarah (historical product) yang merupakan hasil rakaman situasi orang Arab abad ke-7 dan 8M (Arif, 2005).


Dalam kajian hadis kajan tertumpu kepada penelitian tentang kritik sanad dan matan iaitu proses verifikasi rantaian perawi dan kandungan teks Hadis itu sendiri bagi memastikan keaslian dan kesahihannya. Kajian turut menghuraikan bagaimana Hadis digunakan sebagai sumber utama dalam hukum Islam bagi melengkapi dan memperincikan ajaran yang terkandung dalam al-Quran. Seterusnya, tema ini turut merangkumi perbincangan mendalam mengenai sejarah hidup Nabi

Muhammad (sirah nabawiyah) dan peranannya yang fundamental dalam Islam (Ahmad, 2014). Kajian-kajian ini meneliti bukan sahaja peristiwa-peristiwa penting dalam kehidupan Baginda, tetapi juga impak sirah tersebut terhadap pembentukan identiti, moral dan etika umat Islam. Fokus turut diberikan kepada peranan Nabi Muhammad saw dalam menyebarkan Islam serta bagaimana hubungannya dengan al-Quran dan Hadis yang menjadi landasan utama bagi pembentukan Sunnah iaitu cara hidup dan amalan Nabi yang menjadi teladan bagi Muslim.

Selain itu, kajian tentang Quran dan Hadis ini juga boleh diinterpretasikan sebagai usaha untuk menguasai ilmu-ilmu asas Islam secara kritikal dan juga sebagai tindak balas atau kritikan terhadap metodologi kajian orientalis Barat. Ia juga mencerminkan kepentingan berterusan dalam mempertahankan keaslian sumber Islam dalam menghadapi cabaran interpretasi moden. Secara keseluruhan, kajian di bawah tema Quran dan Hadis di alam Melayu bukan sekadar meneliti teks-teks suci tetapi juga bagaimana teks-teks ini membentuk pemikiran, perundangan dan gaya hidup Muslim.

Walaupun Agama dan Hukum (4,581 token) berada di tempat terakhir, jumlah tokennya masih tinggi menunjukkan bahawa peranan agama dalam membentuk sistem perundangan dan sosial masih relevan. Perbincangan ini mengkaji peranan syariah, cabaran dalam implementasi hukum Islam dalam konteks moden serta hubungan antara agama dan negara. Ini menunjukkan bahawa sarjana berbahasa Melayu aktif dalam membincangkan isu-isu kontemporari berkaitan hukum seperti kewangan Islam dan hak asasi manusia serta berusaha untuk menempatkan hukum Islam dalam kerangka perundangan moden yang dinamik. Kajian tentang agama dan hukum juga menunjukkan tumpuan yang ketara terhadap peranan agama dalam membentuk pemikiran, budaya dan sistem sosial masyarakat (Egi Sukma, 2017). Kajian-kajian ini mengupas bagaimana kepercayaan agama, khususnya Islam, telah menjadi asas kepada pandangan dunia (worldview) masyarakat Melayu, mempengaruhi cara mereka berfikir, nilai-nilai yang dipegang dan norma-norma yang diamalkan dalam kehidupan seharian. Ini termasuklah bagaimana agama membentuk ekspresi budaya seperti seni, sastera dan adat istiadat tempatan serta struktur sosial seperti hierarki, institusi dan peranan gender.

Orientalis sering meneliti secara mendalam peranan hukum Islam (syariah) dalam menyusun masyarakat, sama ada melalui sistem kehakiman tradisional seperti mahkamah syariah atau melalui pengaruhnya dalam undang-undang sivil dan pentadbiran. Perbincangan turut melibatkan bagaimana hukum Islam diaplikasikan untuk menangani isu-isu kontemporari yang kompleks seperti kewangan Islam, hak asasi manusia, isu-isu keluarga dan warisan serta jenayah. Selain daripada perundangan tempatan, kajian juga melibatkan analisis perundangan global dan cabaran hukum Islam dalam dunia moden (Ahmad Bunyan 2018). Ini bermakna, orientalis kerap membandingkan sistem perundangan Islam di alam Melayu dengan sistem perundangan lain di dunia serta meneliti bagaimana hukum Islam berinteraksi dengan undang-undang antarabangsa dan kerangka hak asasi manusia sejagat. Oleh itu, kajian ini cuba memahami bagaimana hukum Islam boleh terus relevan dan berfungsi secara efektif dalam lanskap perundangan dunia yang sentiasa berubah. Ringkasan trend dan tema kajian orientalisme berbahasa Melayu adalah seperti Rajah 7.



RAJAH 7. Ringkasan Trend dan Tema Kajian Orientalisme Berbahasa Melayu

Secara keseluruhannya, analisis ini menunjukkan bahawa perbahasan orientalisme berbahasa Melayu telah berkembang daripada sekadar tindak balas kepada naratif Barat, kepada penerokaan mendalam dan kritikal terhadap identiti, sejarah dan masa depan Islam di Alam Melayu. Ia menonjolkan kecenderungan untuk menggabungkan kajian teks dengan analisis konteks sosial, budaya dan politik. Perbahasan ini mencerminkan autonomi intelektual yang semakin meningkat dalam kalangan sarjana tempatan untuk membentuk naratif mereka sendiri, berbanding hanya menerima dan menanggapi naratif dari luar.

KESIMPULAN

Kajian ini telah mengenal pasti perkembangan trend dan tema dalam penulisan akademik berbahasa Melayu berkaitan orientalisme dari 2015 hingga 2024 serta menjawab persoalan yang berkaitan. Hasil kajian menunjukkan terdapat lima tema utama yang dominan dalam penulisan akademik berbahasa Melayu, iaitu; 1) Islam dan Muslim sebagai asas perbincangan, 2) agama dan hukum yang menekankan peranan syariah dalam isu kontemporari, 3) Timur dan Barat yang membahas pertembungan budaya dan kritikan terhadap orientalisme, 4) Quran dan Hadis sebagai sumber utama agama Islam dan 5) masyarakat dan budaya yang meneliti interaksi dan perubahan sosial, budaya dan politik. Kelima-lima tema ini menunjukkan bagaimana Islam membentuk peradaban dan tamadun Melayu secara menyeluruh.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor sejarah, budaya dan keagamaan masyarakat Islam di rantau ini mempengaruhi kajian tentang orientalisme dalam penulisan berbahasa Melayu. Fokus terhadap Islam sebagai sistem kepercayaan dan kerangka sosial memperlihatkan bagaimana orientalisme bukan sekadar kajian Barat terhadap Timur, tetapi juga menjadi medan refleksi dan kritikan terhadap persepsi Barat mengenai dunia Islam. Kajian ini turut menekankan kepentingan memahami interaksi Timur-Barat serta bagaimana teks-teks suci seperti al-Quran dan Hadis menjadi subjek utama dalam wacana orientalis serta respon ilmiah sarjana Muslim.

Ringkasnya, kajian ini memberi gambaran awal yang komprehensif dan menyeluruh tentang perkembangan wacana orientalisme dalam penulisan akademik berbahasa Melayu. Ia bukan sahaja membuka ruang kepada penyelidikan lanjut yang lebih mendalam dan kritikal, malah ia menjadi panduan dan rujukan penting dalam memperkukuhkan wacana akademik Islam, khususnya di alam Melayu. Kajian ini turut menyumbang kepada kefahaman yang lebih mendalam tentang kajian Islam dan memperluas horizon pemikiran dalam menghadapi cabaran epistemologi dan ideologi masa kini.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Pusat Pengajian Teras dan Universiti Sains Islam Malaysia atas sokongan dan pembiayaan yang diberikan bagi tujuan penerbitan artikel ini.

RUJUKAN

Aan Supian. (2016). Studi hadis di kalangan orientalisme. *Jurnal Nuansa* 9(1), 25–34.

Ahmad Bahrudin & Achmad Ghufron. (2022). Pergeseran paradigma dari orientalisme menuju Islamic studies. *al-Thiqah* 5(2), 1–13.

Ahmad Bunyan Wahid. (2018). Orientalisme dalam Hukum Islam. Pustaka Utama.

Ahmad Subakir. (2014). Kritik atas orientalisme dan kecurigaan atas kajian keislaman di dunia Barat. *Religio: Jurnal Studi Agama-agama* 4(2), 145–169.

Azka Noor. (2021). Mengartikulasikan Islam dan subyektifitas orientalisme: debat fundamental tentang studi Islam. *Mudabbir* 2(2), 221–238.

Azhar Nurachman & Kasori Mujahid. (2023). Studi orientalisme menurut sejarah dan tujuan gerakannya. *AHKAM: Jurnal Hukum Islam dan Humaniora* 2(4): 866-878.

Badri Badri, Abi Ihsanullah & Lilis Heriyanti (2023). "The forbidden kingdom": dari representasi sampai dependensi kajian orientalisme Edward Said. *JENTERA: Jurnal Kajian Sastra* 12(1), 37–51.

Badrussyamsi. (2016). Islam di mata orientalisme klasik dan orientalisme kontemporer. *Tajdid* 15(1), 17–39.

Baiq Annisa Yulfana Nalurita & Tristanti Apriyani. (2022). Jejak kolonial dan peran orientalisme dalam kumpulan cerpen Teh dan Penghianat karya Iksaka Banu. *MIMESIS* 3(1), 1–9.

Barza Setiawan & Mahmud Muhsinin. (2016). Studi kritis terhadap orientalisme. *Al-Hikmah: Jurnal Studi Agama-Agama* 2(2): 1-8.

Cecep Sobar Rochmat, Putri Adinda Ayudiyanti & Sherly Dian Novitasari. (2023). Implikasi pengaruh pemikiran orientalisme terhadap pendidikan Islam di Indonesia. *Edu Global: Jurnal Pendidikan Islam* 4(2), 13–25.

Davin Deviera. (2021). Representasi budaya Tionghoa dan orientalisme dalam film Crazy Rich Asians. *Commercium* 4(3), 167–176.

Dian Hezedila Sharon. (2020). Pandangan Barat tentang Timur pada novel Student Hidjo karya Mas Marco Kartodikromo (kajian orientalisme Edward Said). Disertasi Master, Fakultas Bahasa dan Sastra, Universitas Negeri Makassar, Indonesia.

Dibba Nugroho, Judy Djoko Wahjono Tjahjo & Megawati Wahjudianata. (2018). Representasi orientalisme dalam video musik. *Jurnal SCRIPTURA* 8(1): 7-13.

Didin Syamsudin, Hermawati Hermawati & Omang Komarudin. (2024). Melacak Jejak Orientalisme dan Oksidentalisme: Sebuah Tinjauan dalam Studi Kawasan Islam. *Jurnal Ilmu Pendidikan Muhammadiyah Kramat Jati*, 5(1), 298–304. https://doi.org/10.55943/jipmukjt.v5i1.233.

Egi Sukma Baihaki. (2017). Orientalisme dan penerjemahan Al-Qur'an. Ilmu Ushuluddin 16(1) 21–36.

Engku Ahmad Zaki Engku Alwi & Normah Yusof. (2019). The historical development of orientalism movement. *The Social Sciences* 14(2): 67–77.

Evayatun Nimah. (2021). Pengaruh orientalisme dalam pendidikan Islam di Indonesia. *Majalah Ilmiah Tabuah: Ta'limat, Budaya, Agama dan Humaniora* 1(2), 21–26.

Fadly Rahman. (2020). Antara Timur dan Barat: Merefleksikan pendidikan karakter Indonesia melalui pemikiran Sutan Takdir Alisjahbana. *Jantra* 15(1), 29–42.

Fildzah Nabilah Abrar, Anis Endang & Harius Eko Saputra. (2017). Representasi orientalisme dalam Film The Man Who Knew Infinity. *Jurnal Professional FIS UNIVED* 14(2), 82-106.

Fitri Wahyuni, Memed Khumaedi & Andi Fathul Faiz Aripai. (2024). Kritik karya Joseph Schacht dalam studi hukum Islam: perspektif historis-filologis dan kontroversi akademis. *Nashr al-Islam: Jurnal Kajian Literatur Islam* 6(3), 132–149.

Friese, S. (2019). *Qualitative Data Analysis with ATLAS.ti* (3rd ed.). SAGE Publications.

Ghulam Falach. (2020). Kontribusi positif orientalisme: kajian atas Reinhart Dozy (1820–1883 M). *Refleksi: Jurnal Filsafat dan Pemikiran Islam* 20(1), 85–100.

Gian Nitya Putri, Hilda Meylani & Icha Agustina. (2022). Kritik hadis menurut pemikiran G.H.A. Juynboll dan Joseph Schacht. *Integritas Terbuka: Peace and Interfaith Studies* 1(1), 59–70.

Guest, G., MacQueen, K.M., & Namey, E.E. (2012). *Applied Thematic Analysis*. SAGE Publications.

Gumillar Irfanullah. (2015). Wacana orientalisme dalam studi Islam. *Jurnal Studi Al-Quran* 23(2), 163–182.

H. Muhammad Bahar Akkase Teng. (2016). Orientalis dan orientalisme dalam perspektif sejarah. *Jurnal Ilmu Budaya* 4(1), 48–63.

Hadeer Abou El Nagah. (2015). Imaging Prophet Mohammed and the orient prototype in English biographies. *International Peer Reviewed Journal* 3(4), 16–37.

Halim @ Ab Halim Ismaila, Rahimin Affandi Abdul Rahim & Siti Maimunah Hj. Kahal. (2017). Orientalism dan usaha meremehkan legasi ulama Melayu awal di alam Melayu: satu analisis kritikal. *Online Journal of Research in Islamic Studies* 4(2): 31-45.

Hasani Ahmad Said. (2018). Potret studi al-Quran di mata orientalis. *Jurnal At-Tibyan* 3(1), 22–41.

Hasani Ahmad, Mardiyah Nur Batubara & Widya Oktavia. Orientalisme dan oksidentalisme: kajian keotentikan al-Qur'an. Al-Bayan: Jurnal Ilmu Al-Qur'an dan Hadist, 5(2): 205–225. https://doi.org/10.35132/albayan.v5i2.200.

Hashim Fauzy Yaacob. (2021). Perspektif orientalisme tentang Islam di Borneo. *UMRAN: International Journal of Islamic and Civilizational Studies* 8(2), 49–66.

Hilaluddin Abdullah. (n.d.). Sejarah kemasukan dan perkembangan orientalisme di Malaysia: Satu tinjauan ringkas. 125–148.

Iman Zanatul Haeri. (2016). Wanita Asia dalam imajinasi digital: kajian literatur atas orientalisme. *Jurnal Kajian Wilayah* 7(2): 129-143.

Inama Anusantari. (2020). Perspektif orientalis dalam mengkaji hadits dan bantahan kaum Muslim: Perspektif Ignaz Goldziher, Joseph Franz Schacht dan Mustafa Azami. *Riwayah: Jurnal Studi Hadis* 6(1) 103–124.

Institut National des Langues et Civilisations Orientales. (2025). A rich history. https://www.inalco.fr/en/rich-history Diakses pada 22 Julai 2025.

Irzak Yuliardy Nugroho & Imam Syafi'i. (2022). Metode studi ilmu al-Qur'an kontemporer: respon terhadap pandangan orientalis pada al-Qur'an. *Asy-Syari'ah: Jurnal Hukum Islam* 8(2), 88–106.

Irzak Yuliardy Nugroho. (2020). Orientalisme dan hadits: kritik terhadap sanad menurut pemikiran Joseph Schacht. Asy-Syari'ah: Jurnal Hukum Islam 6(2), 155–170.

Izra Inna Md Idris, Mohamad Saleeh Rahamad & Md Azalanshah Md Syed. (2021). Perbincangan orientalisme melalui analisis semiotika dalam animasi. *Jurnal Komunikasi*: *Malaysian Journal of Communication* 37(1), 295–313.

Izra Inna Md Idris, Mohamad Saleeh Rahamad, & Md Azalanshah Md Syed. (2021). Saladin: the animated series sebagai wacana orientalisme. *Jurnal Pengajian Media Malaysia* 19(1) 1-22.

Jamiatun Sapariah, Laily Rezky, Syauhan Ajmi & Abdul Rashid Abdul Aziz. (2023). Characteristics of orientalism studies and implications for the islamic world. *SERUMPUN: Journal of Education, Politic, and Social Humaniora* 1(1): 9-22.

Jill Arista Wibisono, Judy Djoko Wahjono Tjahjo & Megawati Wahjudianata. (2017). Representasi orientalisme dalam film The Great Wall. *Jurnal SCRIPTURA* 7(1), 36–45.

Lens.org. (2025). Explore global science and technology knowledge. https://www.lens.org/ Diakses pada 1 Julai 2025.

Lukman. (2022). The effect of orientalism: The challenge of da'wah for Islamic university in Indonesia. *Jurnal Da'wah* 5(1), 11–27.

M. Muzayyin. (2015). Al-Qur'an menurut pandangan orientalis (Studi analisis teori pengaruh dalam pemikiran orientalis). *Jurnal Studi Ilmu-Ilmu Al-Quran dan Hadis* 16(2), 203–221.

M. Rama Haqiqi & Kartika Kadar Manik. (2024). Menelusuri tuduhan dan kritik orientalis terhadap Nabi Muhammad, al-Qur'an dan hadis: Tinjauan terhadap pemikiran Theodor Noldeke. *Indonesian Society and Religion Research* 1(2), 70–77.

Media Zainul Bahri. (2018). Kritik Ibn Warraq atas orientalisme edward said: perdebatan epistemologis mengenai 'Timur dan Barat'. *Al-A'RAF Jurnal Pemikiran Islam dan Filsafat* 1(2), 223–246.

Moch. Muwaffiqillah. (2023). Rekonstruksi paradigma studi Islam pasca orientalisme melalui pendekatan fenomenologi Richard C. Martin. *Empirisma: Jurnal Pemikiran dan Kebudayaan Islam* 32(2), 143–166.

Moh. Khoirul Fatih. (2023). Pergolakan hadis kaum modernis: Solusi dan tantangan. *Madinah: Jurnal Studi Islam* 10(1), 45–57.

Mohammad Djaya Aji Bima Sakti, Muhammad Nurrosyid Huda Setiawan, Alhafidh Nasution & Amar Ramadhan. (2024). Analisis sejarah kolonialisme Belanda dalam perkembangan orientalisme di Indonesia. *Kalimah: Jurnal Studi Agama-Agama dan Pemikiran Islam* 22(1), 121–139.

Mohd Farhan Abd Rahman, Rohailin Zainon & Nor Adina Abdul Kadir. (2015). Sebuah analisis tentang pendekatan kajian R.O Winstedt terhadap Islam di Tanah Melayu. *Jurnal Peradaban* 8, 1–18.

Mohd Farhan Abd Rahman, Nurul Hidayah Aziz, Amin Che Ahmat, Muhammad Yusri Yusof@Salleh & Rahimin Affandi Abdul Rahim. (2016). A doctrinal aspect of orientalism and its influences on malay culture. *e-Academia Journal UiTMT* 5(2): 58-65.

Muhamad Amirul Asyraf Ahmad Kamal Zulkhairi, Norsaleha Mohd Salleh, Syarul Azman Shaharuddin & Rosli Mokhtar. (2023). Konsep kejatuhan peradaban Islam menurut Islamis, modenis dan orientalis pada abad ke-18 hingga ke-20. *International Journal of Interdisciplinary & Strategic Studies* 4(7), 436–450.

Muhammad Shafiq & Muhammad Ikramullah Khan. (2021). Notion and features of orientalism in historiography. *Pakistan Social Sciences Review* 5(4), 779–790.

Muh. Syamsuddin. (2018). Orientalisme, oksidentalisme dan filsafat Islam modern dan kontemporer (suatu agenda masalah). *Refleksi* 18(1): 47-60.

Mustafeez Ahmad Alvi. (2023). Post-orientalism. https://www.researchgate.net/publication/371811547_Post-orientalism. Diakses pada 11 Januari 2025.

Nahla Faizah & Joesana Tjahjani. (2021). Resistensi pribumi terhadap pandangan orientalis kolonial dalam film Bumi Manusia (2019). *METAHUMANIORA* 11(3), 282–296.

Nurul Hakim. (2019). Perspektif filasafat hukum islam dan pemikiran orientalis terhadap Sunnah. *Jurnal EduTech* 5(1): 45-56.

Rahimin Affandi Abd. Rahim & Nor Adina Abd Kadir. (2016). Genre Orientalism dan Tamadun Islam di Alam Melayu, Jurnal Zulfiqar. *Journal of Contemporary Islamic Studies* 1:1-7.

Rahimin Affandi Abdul Rahim, Ahmad Farid Abdul Jalal, Huzaimah Ismail, Abdul Halim Ismail, & Muhd Imran Abd Razak. (2017). Pengaruh ilmu kolonial dalam permuziuman di Malaysia: satu analisis. *e-Academia Journal* 6(1), 127–141.

Rahimin Affandi Abdul Rahim, Mohd Anuar Ramli, Muhamad Yusri bin Yusof @ Salleh, Muhd Imran Abd Razak, Siti Maimunah Hj. Kahal, Paiz Hassan & Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin. (2018). Perkaitan Islamophobia dan orientalisme klasik: satu analisis. *Idealogy* 3(2): 62-78.

Rahimin Affandi Abdul Rahim, Mohd Anuar Ramli, Siti Maimunah Kahal, Muhamad Yusri Yusof @ Salleh, Muhd Imran Abd Razak, Paiz Hassan & Mohd Zahirwan Halim ZainalAbidin. (2018). Perkaitan Islamophobia dan orientalisme klasik: satu analisis. *Idealogy Journal of Arts and Social Science* 6(1), 127–141.

Rohanda Rohanda & Dian Nurrachman. (2017). Orientalisme vs oksidentalisme: benturan dan dialogisme budaya global. (2017). *Jurnal Lektur Keagamaan*, 15(2): 377-389. https://doi.org/10.31291/jlk.v15i2.529

Roqiah Sharaf Aldeen Sharaf Aldeen & Abbas Abdulmalik Mohammed Mutahar. (2024). Orientalism: past and present. *Sana'a University Journal of Human Sciences* 31(3), 281–290.

Rossi Amelia Christy, Taufan Teguh Akbari & Muhammad Fajar Satriya. (2020). Analisis dramatistic pentad pada film Crazy Rich Asians (2018) sebagai antitesis pandangan rientalisme. *Communicare: Journal of Communication Studies* 7(1), 89–105.

Royal Asiatic Society of Great Britain and Ireland. (2025). About Us: Our history. https://royalasiaticsociety.org/about-us/ Diakses pada 22 Julai 2025.

Sadiya Abubakar Isa, Md Salleh Yaapar & Suzana Haji Muhamad. (2019). Rethinking orientalism of Muslims in Ayaan Hirsi Ali's infidel. *IJIMS: Indonesian Journal of Islam and Muslim Societies* 9(2), 241–265.

Salim Kerboua. (2016). From orientalism to neo-Orientalism: early and contemporary construction of Islam and Muslim world. *Intelectual Discourse* 24 (1), 7-34.

Siti Fatimah Mohd, Rahimah Embong, Hanif Md Lateh @ Junid & Mohamad Zaidin Mat @ Mohamad. (2018). Wacana orientalisme dalam manuskrip Melayu. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 17, 48-58.

St. Magfirah Nasir. (2021). Sejarah perkembangan orientalisme. *Al-Mutsla: Jurnal Ilmu-Ilmu Keislaman dan Kemasyarakatan* 3(2), 96–106.

Syamsuddin Arif. (2005). Al-Qur'an, Orientalisme dan Luxenberg. *Afkar: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam* 6(1), 55–76.

Syamsul Mawardi Marna, Ahmad Syaifuddin Amin & Lidia Nur Eka Safitri. (2023). Metodologi pembacaan kritis atas kajian orientalis terhadap hadis: studi metodologi M. Mustafa al-A'zami dalam mengkritik pandangan hadis orientalis. *Madinah: Jurnal Studi Islam* 10(1), 11–30.

Syukri Al fauzi Harlis Yurnalis. (2019). Studi orientalis terhadap islam: dorongan dan tujuan. *Jurnal Al-Aqidah* 11(1): 63-75.

Ummi Nadhirah Mohammad Rosli & Noritah Omar. (2017). References of sexuality in relation to the Prophet Muhammad (pbuh) in 17th-19th century selected French and English orientalist travelogues. *Arab World English Journal for Translation & Literary Studies* 1(4): 68–82.

Yuangga Kurnia Yahya, Syamsul Hadi Untung & Umi Mahmudah. (2020). Orientalisme sebagai tradisi keilmuan dalam pandangan Maryam Jameelah dan Edward Said. *Jurnal Ilmu Agama: Mengkaji Doktrin, Pemikiran dan Fenomena Agama* 21(2), 179–195.

Zati Nazifah Abdul Rahim, Nur Syahirah Mohd Wazir, Siti Baizura Solihan & Nur Natasya Nabilla Rosman. (2017). Kritikan Goldziher terhadap riwayat Abu Hurairah: analisis terhadap hadith anjing tanaman. *Akademika* 2(2), 25–30.

PENULIS:

LATIFAH ABDUL LATIFF
Pusat Pengajian Teras,
Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia
Emel: latifah@usim.edu.my

ADIBAH SULAIMAN (Penulis Koresponden)
Pusat Pengajian Teras,
Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia
Emel: adibah@usim.edu.my

KAMAL AZMI ABD. RAHMAN
Pusat Pengajian Teras,
Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia
Emel: kamalazmi@usim.edu.my

NUR JANNAH BUKHARI
Pusat Pengajian Teras,
Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia
Emel: jannahbukhari@usim.edu.my